

Potensi P2P biayai aktiviti kerajaan

um 4/11

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Kerajaan mahu menilai potensi menggunakan platform penyediaan pinjaman terbuka antara rakan setara atau *Peer-to-Peer* (P2P) untuk menarik minat rakyat atau pelabur persendirian supaya turut sama terlibat di dalam pembiayaan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif kerajaan.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, konsep P2P yang menggunakan teknologi digital dilihat lebih telus dan membolehkan rakyat atau pelabur mengetahui bagaimana dana tersebut digunakan.

Katanya, kaedah pinjaman secara P2P atau pendanaan ekuiti ramai (ECF) merupakan satu daripada strategi kerajaan untuk menggalakkan penggunaan digital bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan pasaran Malaysia.

“Pengenalan P2P adalah langkah penting bagi menggalakkan lagi komuniti menggunakan teknologi. P2P juga memberi kemudahan kepada perniagaan yang sukar mendapatkan pembia-

yaan daripada bank dan mereka boleh mendapatkan dana daripada pelabur persendirian menerusi kaedah ini.

“Pada masa hadapan, kerajaan akan melihat untuk menggunakan platform ini untuk bersama-sama terlibat dengan rakyat yang mahu memberikan ekuiti atau pinjaman. Ia akan menjadi lebih telus dan rakyat akan mengetahui apa yang dibuat oleh kerajaan,” katanya.



JOHARI ABDUL GHANI

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pengenalan enam pengendali platform P2P oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC)

di sini hari ini. Turut hadir ialah Pengerusi SC, Tan Sri Ranjit Ajit Singh.

Enam pengendali itu ialah B2B FinPAL, Ethis Kapital, Funded-ByMe Malaysia, ManagePay Services, Modaliku Ventures dan Peoplender. Langkah itu menjadikan Malaysia negara ASEAN pertama mengawal selia pembiayaan P2P.

Johari berkata, P2P terbukti di peringkat global bagi memenuhi keperluan perusahaan kecil dan se-

derhana (PKS) mendapatkan pinjaman perniagaan. Katanya berdasarkan maklumat, sebanyak AS\$25 bilion (RM103 bilion) dana berjaya diraih menerusi P2P sepanjang 2015 dan dijangka sebanyak AS\$96 bilion (RM394 bilion) dana mampu diraih pada tahun 2025.

“Saya berharap dengan pengenalan pengendali P2P pada hari ini, ia boleh menggalakkan inovasi untuk membantu perniagaan PKS Malaysia,” katanya.

Sementara itu Ranjit berkata, SC sebelum ini juga telah melancarkan sebuah lagi kemudahan pembiayaan terbuka ECF bagi membantu PKS mendapatkan dana perniagaan.

Katanya, sejak ECF beroperasi pada pertengahan 2016, sebanyak RM8 juta dana telah berjaya diraih kepada 11 perniagaan meliputi pelbagai sektor termasuk perniagaan perancang perkahwinan dan pencarian jodoh.

“Berdasarkan beberapa anggaran yang dibuat, jurang kewangan yang diperlukan oleh PKS Malaysia dikatakan bernilai lebih RM80 bilion. Diharap P2P dan ECF boleh menjadi penyelesaian alternatif untuk memenuhi keperluan PKS,” katanya.